

Bil. S 49

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2001) (BIL. 4), 2002

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 22 haribulan April, 2002 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan di sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, sembilan puluh dua juta, lima ratus enam belas ribu dan satu ratus sembilan puluh ringgit (\$4,092,516,190.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2001), 2000;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lapan juta, lapan ratus enam puluh empat ribu, tujuh ratus lapan puluh dua ringgit dan empat puluh enam sen (\$8,864,782.46) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 1), 2001;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh dua juta, sembilan ratus enam puluh lapan ribu, sembilan ratus dua puluh satu ringgit dan lima puluh lapan sen (\$22,968,921.58) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 2), 2001;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang satu juta, sembilan ratus sembilan ribu, tujuh ratus empat ringgit dan dua puluh enam sen (\$1,909,704.26) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 3), 2002;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak lapan juta, empat ratus lima puluh ribu ringgit (\$8,450,000.00);

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh cerai-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 4), 2002.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2001 dan memperuntukkan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dari lapan juta, empat ratus lima puluh ribu (\$8,450,000.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan pelbagai perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 2001 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2001), 2000, Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 1), 2001, Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 2), 2001 dan Perintah Perbekalan Tambahan (2001) (Bil. 3), 2002 adalah dengan ini dibenarkan.

- (2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

[1] Tajuk	[2] Gelaran	[3] Jumlah Yang Diperuntukkan Kepada Tajuk \$
KEMENTERIAN KEWANGAN		
S.D52	Perkhidmatan Rampaian	\$8,450,000.00
		<u>\$8,450,000.00</u>

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Jamadilawal, 1423 Hijrah bersamaan dengan 31 haribulan Julai, 2002 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM